



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KPDN ANJURKAN PJRM BACK TO SCHOOL 2025 SEMPENA MUSIM CUTI PERSEKOLAHAN

Sebagaimana yang diumumkan dalam Belanjawan 2025, peruntukan bagi pelaksanaan program-program di bawah inisiatif Payung Rahmah telah ditingkatkan daripada RM200 juta kepada RM300 juta, iaitu penambahan sebanyak RM100 juta berbanding tahun 2024.

Sehubungan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terus memperkasa pelaksanaan program di bawah inisiatif ini termasuklah penambahbaikan dan peluasan kaedah dan golongan sasar bagi Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) sedia ada.

Justeru, bersempena dengan persediaan sesi persekolahan baharu 2025, KPDN telah memperluas pelaksanaan PJRM melalui penganjuran PJRM Back to School 2025. Program ini telah bermula sejak 18 Januari 2025 dan dijadualkan berlangsung sehingga 16 Februari 2025, iaitu sepanjang tempoh cuti persekolahan.

Sebanyak 174 pasar raya, pusat beli-belah dan kedai pakaian terlibat melalui pelaksanaan secara dalam premis dan luar premis. Para pengguna boleh mendapatkan barangan kelengkapan persekolahan pada kadar diskaun antara 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran semasa. Terdapat 45 sehingga 70 *stock keeping unit* (SKU) ditawarkan seperti pakaian seragam sekolah, kasut sekolah, beg sekolah dan kelengkapan alat tulis.

Setakat 8 Februari 2025, sebanyak 101 siri PJRM Back to School telah dilaksanakan daripada 243 jumlah keseluruhan yang disasarkan dalam tempoh pelaksanaan program ini. Orang ramai boleh merujuk Takwim PJRM melalui pautan <https://www.kpdn.gov.my/index.php/ms/jualan-rahmah> untuk mengetahui tarikh dan lokasi PJRM Back to School yang akan dianjurkan.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Penampang, Sabah.

9 Februari 2025

###